

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI

SOALAN : NO. 145

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM) yang mengikuti kursus-kursus kemahiran di kolej-kolej komuniti yang diwujudkan di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemasukan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM) ke Kolej Komuniti seluruh Malaysia pada tahun 2014 adalah seramai 12,103 orang dan bagi tahun 2015 adalah seramai 12,846 orang.